

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

TINDAKAN MENAIKKAN YURAN GUAMAN PEMINDAHAN HAKMILIK TIMBULKAN KEBIMBANGAN

KUALA LUMPUR, 17 JULAI 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melihat kenaikan yuran guaman membabitkan pemindahan hakmilik baru-baru ini oleh Jawatankuasa Kos Peguam Cara di bawah Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2023 [P.U. (A) 207/2023] dengan penuh kebimbangan. Pada pandangan MyCC, Perintah pindaan ini, yang berkuatkuasa mulai hari Sabtu, 15 Julai 2023, adalah tidak sesuai pada tika ini terutamanya di kala rakyat sedang bergelut dengan kenaikan kos sara hidup.

MyCC mengakui bahawa seksyen 13, Akta Persaingan 2010 mengecualikan Perintah pindaan ini daripada pemakaian Akta tersebut. Walau bagaimanapun, MyCC berpandangan bahawa tindakan yang diambil oleh Majlis Peguam ini adalah bertentangan dengan prinsip persaingan. Kenaikan yuran guaman ini bukanlah yang pertama kerana Majlis Peguam sebelum ini pernah meningkatkan yuran guaman untuk pemindahan hakmilik melalui Perintah Saraan Peguam Cara (Pindaan) 2017 [P.U. (A) 67/2017].

MyCC telah secara proaktif mengambil beberapa tindakan positif dalam menangani isu membabitkan yuran skala tetap oleh badan-badan profesional sejak tahun 2013 lagi. Melalui Kajian Pasaran mengenai Penentuan Harga/Yuran oleh Badan-Badan Profesional yang dijalankan di bawah seksyen 11 Akta Persaingan 2010 pada tahun 2013, MyCC telahpun berjaya mengarahkan atau mempengaruhi lebih daripada 5 badan profesional untuk menghapuskan yuran profesional tetap mereka apabila didapati bahawa mereka tidak mempunyai punca kuasa untuk berbuat demikian mengikut undang-undang yang sedia ada. Pada masa yang sama, kajian pasaran itu juga mengakui bahawa terdapat badan-badan profesional yang dibenarkan menetapkan yuran skala mereka selaras dengan kuasa yang diberikan oleh undang-undang mereka.

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Selain itu, MyCC telah secara konsisten terlibat dengan sesi libat urus bersama badan-badan profesional sejak tahun 2015 sehingga kini dan telah memutuskan untuk memberi tumpuan kepada Majlis Peguam yang dilihat boleh menjadi ikutan kepada badan professional yang lain sekiranya Majlis Peguam bersetuju untuk menghapuskan penetapan yuran guaman bagi pemindahan hakmilik. Pendekatan yang diambil oleh MyCC ini adalah sejajar dengan amalan negara-negara maju seperti United Kingdom, Singapura, dan Australia, di mana badan-badan professional mereka, termasuk Majlis Peguam mereka tidak lagi mengamalkan penetapan yuran. Pandangan MyCC ini juga disokong oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang sebelum ini pernah beberapa kali membincangkan tentang isu berkenaan penetapan yuran guaman ini di dalam mesyuarat-mesyuarat mereka yang lepas.

Penetapan yuran guaman ini dilihat tidak konsisten, terutamanya apabila mengambil kira bahawa yuran litigasi di Malaysia tidak tertakluk kepada kadar tetap. Selain itu, MyCC berpendapat bahawa tindakan yang diambil oleh Majlis Peguam adalah bertentangan dengan usaha kerajaan dalam membantu rakyat untuk mampu memiliki rumah mereka sendiri. Inisiatif kerajaan melalui Memorandum Pemindahan (MOT) dan pelepasan atau diskauan cukai setem, pelepasan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT), dan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), selain dari dilaksanakan untuk menggalakkan industri perumahan, ia juga bertujuan untuk mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup kumpulan-kumpulan yang disasarkan.

MyCC mengimpikan untuk mewujudkan struktur yuran yang lebih fleksibel bertepatan dengan amalan terbaik antarabangsa. MyCC juga percaya bahawa pengguna akan dilindungi dengan lebih baik apabila variasi terhadap dasar industri mengambil kira prinsip persaingan.

"Kami mengakui bahawa usaha kami sebelum ini untuk memujuk Majlis Peguam tidak berjaya. Namun begitu, kami ingin menyeru Majlis Peguam dengan penuh hormat untuk mempertimbangkan semula, atau sekurang-kurangnya, menangguhkan pelaksanaan Perintah pindaan ini dan meneruskan balik perbincangan dengan kami. Majlis Peguam mempunyai potensi yang tidak dapat disangkal lagi dalam memberikan contoh positif bagi mempromosikan persaingan dalam pasaran. MyCC telah menerima kunjungan daripada pelbagai badan profesional dan persatuan peniaga-peniaga yang ingin



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

mendapatkan sokongan kami terhadap cadangan mereka untuk menetapkan yuran atau harga bagi produk dan perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, pendekatan sedemikian tidak sesuai dengan visi MyCC. Badan-badan ini seharusnya berusaha untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam memacu kecekapan pasaran, bukannya bergantung kepada yuran skala tetap. Ini bukanlah pendekatan yang ideal jika kita berhasrat untuk menjadi sebuah negara membangun dengan ekonomi yang kukuh dan dinamik yang berteraskan pada pasaran yang menggalakkan inovasi, kecekapan dan amalan harga yang kompetitif," kata Dato' Seri Hishamudin Yunus, Pengerusi MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.